

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 5 OKTOBER 2016 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Rakyat di saran berani berbelanja demi produk teknologi baharu	BERNAMA
2.	Perlis khuatir air pasang besar jejas kawasan sawah	BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 5 OKTOBER 2016 (RABU)



Rakyat Disaran Berani Berbelanja Demi Produk Teknologi Baharu

JASIN, 4 Okt (Bernama) -- Rakyat Malaysia disaran agar berani berbelanja untuk mendapatkan teknologi baharu sebagai inisiatif memudahkan kehidupan sehari-hari mereka, kata **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.**

Beliau berkata rakyat sanggup berbelanja untuk teknologi baharu yang tertentu sahaja seperti telefon pintar demi kepuasan diri sendiri tetapi tidak ramai mahu berbelanja untuk produk inovasi bagi memudahkan kehidupan harian mereka.

"Banyak produk inovasi telah dihasilkan antaranya penjimatan tenaga, minyak, bioteknologi dan farmaseutikal selain produk herba yang telah pun mendapat pengiktirafan namun terbiar begitu sahaja.

"Ini disebabkan kurangnya penerimaan masyarakat terhadap teknologi baharu disebabkan (sikap) mereka yang tidak mahu berbelanja sehingga menyebabkan produk komersial tersebut sukar untuk menembusi pasaran tempatan," katanya kepada pemberita di Politeknik Merlimau di sini hari ini.

Terdahulu beliau merasmikan 'The 1st Conference On Engineering, Technology and Education 2016' yang merupakan kerjasama antara lima universiti tempatan iaitu Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Putra Malaysia, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia dan Universiti Malaysia Sarawak serta Politeknik Merlimau.

Sebanyak 60 hasil penulisan penyelidikan dan ilmiah dari institusi awam berkenaan akan dibentangkan pada program yang berlangsung dua hari bermula hari ini yang turut dihadiri Pengarah Politeknik berkenaan, Zolkarnain Jobshi.

Abu Bakar berkata kadar pengkomersilan produk di negara ini agak perlahan iaitu hanya pada tahap lapan serta sembilan peratus dan MOSTI dalam usaha menggiatkan langkah untuk mencapai kadar 15 peratus.

"Kejayaan sesebuah negara banyak bergantung kepada perkembangan teknologi, bagaimanapun kita janganlah rakus mencipta pelbagai bentuk teknologi baharu yang canggih sehingga mengabaikan kepentingan alam sekitar dan kesan yang bakal dihadapi oleh generasi masa hadapan," katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 5 OKTOBER 2016 (RABU)



Perlis Khuatir Air Pasang Besar Jejas Kawasan Sawah - Exco

KUALA PERLIS, 4 Okt (Bernama) -- Perlis merasa bimbang dengan fenomena air pasang besar yang diramal berlaku pada bulan ini dan bulan yang dijangka merosakkan lebih 200 hektar sawah di sepanjang pantai Kuala Perlis, Kuala Sungai Baru dan Kuala Sungai Padang.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Mat Hassan berkata benteng penahan ombak sepanjang 20 kilometer dari Kuala Perlis hingga Kuala Sungai Padang tidak mampu menahan ketinggian ombak.

Jabatan Meteorologi Malaysia telah meramalkan fenomena air pasang besar dijangka berlaku antara 17 hingga 20 Okt dan dari 14 hingga 17 Nov ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim sebelum ini berkata fenomena dijangka melanda negeri di pantai barat Semenanjung termasuk Perlis.

"Air pasang besar kali ini besar kemungkinan akan melimpahkan air laut ke kawasan sawah dan merosakkan anak padi yang ditabur bermula 28 Sept lepas," kata Mat kepada Bernama.

Mat yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Kuala Perlis berkata berkata air pasang besar yang melanda sebelum ini menyebabkan ramai petani yang mengusahakan sawah dan kira-kira 4,000 buah rumah di sepanjang pantai tersebut mengalami kerugian beratus ribu ringgit.

Beliau berharap kerajaan dapat menyediakan peruntukan khusus bagi meninggikan benteng batu pepejal penahan ombak di sepanjang kawasan pantai.

-- BERNAMA